

Perkukuh gerakan koperasi serantau

Semua koperasi perlu berganding bahu tingkatkan ekonomi pasca pandemik

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Gerakan koperasi di rantau ini perlu memperkukuh tindakan dan berubah mengikut landskap ekonomi selepas krisis Covid-19 yang melanda dunia.

Gerakan koperasi harus berganding bahu untuk meningkatkan perniagaan yang lestari dan berdaya tahan bagi mengimbangi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan anggotanya.

Perkara itu dinyatakan oleh Presiden Angkatan yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah melalui ucapannya pada majlis makan malam sempena Persidangan *Cooperative-to-Cooperative (C-2-C) Trade and Business Conference on Demand vs Opportunities in Cooperative Business: Bridging the Gap through Industry, Innovation and Infrastructure (SDG9)* bermula 29 November dan berakhir pada 1 Disember.

Majlis itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop), Datuk Suriani Ahmad.

Persidangan yang dihoskan oleh Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan Iktan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP), Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) ini disertai oleh 73 pemimpin koperasi dari 10 negara iaitu Malaysia, Vanuatu, India, Korea, Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Nepal dan Singapura.

Persidangan ini sebagai platform koperasi di rantau Asia Pasifik menjalin hubungan dagangan strategik dan



Abdul Fattah (lima dari kanan di barisan kedua) bersama anggota koperasi yang hadir pada majlis makan malam sempena persidangan berkenaan.

kerjasama di antara koperasi dengan koperasi untuk meningkatkan jaringan perniagaan menerusi perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi dan budaya untuk memperkasa sumbangan koperasi dalam agenda Matlamat Pembangunan Mampuan (SDG) 2030.

Persidangan itu juga memberi fokus kepada agenda 9 (SDG-9) dalam Matlamat Pembangunan Mampuan dengan memberi ruang dan peluang kepada koperasi meningkatkan daya saing, memajukan pembangunan teknologi domestik, penyelidikan dan inovasi serta memastikan persekitaran dasar yang kondusif untuk kepelbagaian industri dan penambahan nilai kepada komoditi.

Tumpuan diberikan kepada sektor berimpak tinggi yang mempunyai penglibatan besar oleh koperasi iaitu sektor pertanian dan industri asas tani, kepenggunaan dan kewangan.

Suriani melalui ucapan perasmian menyayu gerakan koperasi mengambil langkah proaktif khususnya dalam mendepani keadaan ekonomi yang lebih mencabar pada tahun hadapan.

Menurutnya, pelbagai pelan telah

digariskan oleh kerajaan seperti Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKom) dalam membuka peluang yang menyeluruh dan inklusif kepada gerakan koperasi, namun pelaksanaannya memerlukan kerjasama utuh gerakan ini dan kesemua pemegang taruh dalam menjayakannya.

Tingkatkan hubungan

Angkasa sentiasa komited untuk memperluas penglibatan koperasi dalam sektor berimpak tinggi agar sektor koperasi yang telah mencapai 100 tahun di Malaysia ini akan terus bersaing dalam pasaran terbuka dan menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Angkasa dengan kerjasama ICA-AP akan meningkatkan hubungan perdagangan antara koperasi di rantau Asia Pasifik menerusi pengukuhan kerjasama strategik pada tahun 2023.

Abdul Fattah berkata, kerjasama itu bertujuan meningkatkan penglibatan koperasi dalam perniagaan berimpak tinggi serta mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau di 29 buah negara yang menjadi ahli ICA-AP.

"Kami mahu menggalakkan penglibatan koperasi menerusi aktiviti perdagangan antara koperasi di rantau ini yang terdiri daripada 1.5 juta koperasi dengan jumlah keseluruhan ahli sebanyak 729 juta orang.

"Koperasi rantau Asia Pasifik juga menyasarkan untuk memperoleh sejumlah 10 peratus nilai dagangan daripada jumlah bahagian pasaran kira-kira bernilai US\$390 bilion yang dijanakan di rantau Asia Pasifik menjelang tahun 2030," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP yang disertai oleh 20 anggota dari 11 buah koperasi dari sembilan negara iaitu Malaysia, China,

India, Iran, Korea, Filipina, Sri Lanka, Palestine dan Nepal

Turut hadir pada sidang media itu, Pengarah Serantau ICA-AP, Balasubramanian Iyer dan Anggota Lembaga Angkasa merangkap Anggota Lembaga Iktan Koperasi Antarabangsa (ICA), Datuk Kamarudin Ismail.

Jelasnya, empat produk koperasi yang akan diberi dipromosikan di rantau ini ialah produk halal, perbankan Islam, koperasi sekolah dan Koperasi Kariah Masjid.

"Tahun ini sasaran negara Asia Pasifik ialah satu model Koperasi Kariah Masjid, koperasi sekolah di setiap negara terlibat. Jika ini dapat dilaksanakan maka perdagangan koperasi di Malaysia akan dapat ditingkatkan.

"Kita percaya pada masa hadapan untuk survival koperasi akan dapat menguasai pasaran di peringkat global jika tidak ia akan ketinggalan berbanding koperasi di negara lain," jelasnya.

Pihaknya juga akan menganjurkan lebih banyak kempen, bengkel dan seminar bagi menggerakkan perniagaan koperasi dengan koperasi di Asia Pasifik.

"Tumpuan juga akan diberi dalam bidang keselamatan makanan di mana ada negara yang mengeksport makanan sekali gus meningkatkan peranan koperasi yang ada di negara masing-masing," ujarnya.

Sempena tiga hari persidangan itu, Abdul Fattah telah mempengerusikan Mesyuarat Malaysia Business Office (MBO) Council pada Selasa yang disertai All-China Federation of Supply & Marketing (ACFSMC) China, Angkatan (Malaysia), Japanese Consumers' Cooperative Union (JCCU) Jepun, dan National Agricultural Cooperative Federation (NACF) Korea serta mempengerusikan Mesyuarat Agung ACO disertai 10 negara ASEAN.

Pada Mesyuarat Agung ACO, Abdul Fattah dipilih semula sebagai Presiden ACO bagi tempoh 2022 hingga 2026.

"Tahun ini sasaran negara Asia Pasifik ialah satu model koperasi kariah masjid, koperasi sekolah di setiap negara terlibat. Jika ini dapat dilaksanakan maka perdagangan koperasi di Malaysia akan dapat ditingkatkan."



Dari kiri: Balasubramanian, Abdul Fattah dan Kamarudin pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA-AP secara hibrid di sebuah hotel di sini pada Khamis.